

Menyusuri sejarah secara

Harian Metro 17/2/2011 V4/V13

Muzium Perak, Matang, Arkeologi Lenggong simpan khazanah, artifak purba dari zaman Paleolitik

CANTIK... muzium tertua di Malaysia.

FOTO | Amran Hamid



Muzium Perak tertua di Malaysia

Ditubuhkan pada 1883 dan siap sepenuhnya pada 1886, Muzium Perak adalah muzium tertua yang dibina khas untuk mengumpulkan dan mempamerkan pelbagai koleksi bahan sejarah, artifak, spesimen flora, fauna dan sosio budaya masyarakat di tanah Melayu.

Diasaskan Residen British ke-4 di Perak, Sir Hugh Low dan kurator pertamanya Leonard Wray yang ketika itu adalah penguasa Taman Bukit Larut (Maxwell Hill), Muzium Perak juga dijadikan pusat rujukan berkaitan ilmu botani dan geologi.

Memasuki perkarangan muzium, pameran sementara

di Galeri A akan menyambut kedatangan pengunjung.

Bahagian yang paling menarik di Muzium Perak ialah zoologi yang dipamerkan di Galeri B, pameran alam semula jadi yang mempamerkan rangka pelbagai haiwan dengan saiz sebenar seperti harimau, kambing gurun, kuda, tapir serta kucing hutan termasuklah tengkorak gajah.

Di satu sudut, pengunjung akan berpeluang melihat rangka buaya berukuran kira-kira lapan meter yang dijumpai di daerah Matang 100 tahun lalu dan dikatakan sebagai buaya terpanjang di Malaysia ketika itu.

Apa yang akan membuatkan pengunjung lebih teruja ialah koleksi binatang yang diawet, bagaikan hidup.

Antara binatang yang boleh dilihat termasuklah pelbagai jenis burung, ikan yu, monyet, memerang, seladang dan burung layang-layang.

Di bahagian luar muzium, pengunjung boleh melihat beberapa artifak sejarah seperti kereta jenazah, motosikal, kereta kuda dan lanca yang digunakan pada abad ke-19 dan awal abad ke-20.

Ia termasuk gerabak kereta api yang pernah digunakan oleh Perak State Railway pada 1897 dan pesawat pejuang yang pernah digunakan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Muzium Perak dibuka setiap hari mulai 9 pagi hingga 5 petang dan masuk adalah percuma.

>>Oleh Suliati Asri
suliati@hmetro.com.my

MASUK saja ke perkarangan bangunan berwarna putih dengan seni bina Inggeris yang masih tersergam indah, penulis dan rakan media kagum melihatnya. Mulalah kamera telefon bimbit yang sentiasa menjadi teman memainkan peranan merakam gambar untuk dimuat turun ke

akaun facebook bagi tatapan kawan-kawan. Masing-masing teruja melihat kehalusan seni bina Muzium Perak yang juga muzium pertama dan tertua di Malaysia.

Muzium Perak adalah salah satu daripada tiga muzium yang dikunjungi penulis menerusi Program Jom Santai @ Muzium Perak anjuran Jabatan Muzium Malaysia (JMM).

Dua lagi muzium yang penulis kunjungi ialah Muzium

Matang dan Muzium Arkeologi Lenggong.

Mengunjungi ketiga-tiga muzium itu, ia bagaikan membawa penulis menyusuri sejarah masa lampau dengan bermula ke muzium tertua di Malaysia, kemudian kehidupan tokoh terulung Tengku Menteri, Ngah Ibrahim Long Jaafar sebelum penjajahan Inggeris seterusnya ke tempat penemuan ratusan artifak purba manusia zaman Paleolitik.



LAMA... rumah Ngah Ibrahim yang menyimpan pelbagai sejarah



MENARIK... rangka binatang antara yang menjadi tarikan di Muzium Perak.

Mengenali Ngah Ibrahim di Muzium Matang

Muzium Matang di bina Ngah Ibrahim yang digelar Orang Kaya Menteri Paduka Tuan sebagai kediaman keluarganya dengan menggunakan batu-bata saja.

Bangunan itu juga kota dan juga pusat pentadbiran Larut seluas 0.8094 hektar.

Apabila Ngah Ibrahim meninggal dunia pada 4 Februari 1895, kota itu diselia pentadbiran Inggeris sehingga ia dijadikan Maktab Perguruan Melayu Matang pada 1913-1922 kemudian Sekolah Melayu (1923-1941) dan Markas Tentera Jepun pada 1942 hingga 1945.

Pada 1946, ia dijadikan semula sebagai Sekolah Melayu (1946-1984) dan kini Muzium Matang.

Berkunjung ke Muzium Matang, pengunjung bukan melihat muzium sebaliknya rumah lama yang masih terpelihara yang dikelilingi tembok sebagai benteng pertahanan.

Muzium Matang memaparkan artifak berhubung kait kronologi penubuhan bangunan dan penggunaan

bangunan itu sendiri bermula daripada keluarga Che Long Jaafar, Ngah Ibrahim, pemerintahan Inggeris, pendudukan Jepun, Maktab Latihan Perguruan Melayu Matang dan sekolah Melayu.

Memasuki ruang pameran di tingkat bawah, pengunjung akan disambut oleh replika gajah Long Jaafar yang bernama Si Larut.

Si Larut haiwan istimewa kerana selepas dikatakan hilang selama tiga hari, apabila ditemui, sebahagian badannya terutama kakinya dipenuhi bijih timah dan inilah permulaan

era perlombongan bijih timah. Mendaki anak tangga kayu yang masih kukuh itu, di bahagian atas pengunjung berpeluang melihat ruangan bilik tidur Ngah Ibrahim dengan katil lama yang masih seperti asal.

Pengunjung juga berpeluang melihat mahkamah yang dijadikan tempat percaraan pejuang Melayu yang ditahan Inggeris.

Muzium Matang dibuka setiap hari dari jam 9 pagi hingga 5 petang kecuali Aidilfitri dan Aidiladha. Bayaran masuk percuma.

TINGGALAN JEPUN... antara barang peninggalan semasa pemerintahan tentera Jepun.



ra relaks

ntik

Penemuan Perak Man di Muzium Arkeologi Lenggong

Muzium Arkeologi Lenggong adalah muzium Prasejarah Pertama di Malaysia yang dibina di kawasan tapak Paleolitik 75,000 tahun seluas 8.16 ekar.

Terletak dalam Lembah Lenggong, di Kota Tampan, ia adalah satu-satunya muzium prasejarah di Malaysia yang mempamerkan maklumat berkaitan prasejarah negara khususnya bukti awal dan artifak dari zaman Paleolitik, Neolitik-Gangsa hinggalah zaman penempatan masyarakat orang Asli.

Muzium Arkeologi Lenggong itu ditubuhkan disebabkan Lembah Lenggong begitu signifikan dalam memberi pengetahuan terhadap prasejarah negara sejak 200,000 tahun lalu.

Muzium ini juga mempamerkan semua bukti tinggalan masyarakat pemburu, pengumpul yang tinggal di dalam gua batu kapur di Lembah Lenggong seperti alat-alat batu, tembikar, barang perhiasan dan acuan serta tapak gangsa dan peralatan orang Asli.

Melangkah masuk ke ruang pameran Muzium Arkeologi Lenggong, pengunjung akan disajikan dengan pameran dari zaman Paleolitik dan zaman Neolitik-Gangsa.



PERAK MAN... rangka manusia terawal ditemui di Perak.

>> ACARA SEKITAR FEBRUARI

Karnival Keluarga 1Malaysia @MaTiC

Acara mingguan setiap Sabtu ini terbuka kepada semua, warga setempat dan pelancong. Acara ini menyajikan pelbagai aktiviti menarik sesuai untuk seisi keluarga
Tarikh: Januari hingga Disember

Tempat: Pusat Pelancongan Malaysia (MaTiC), Jalan Ampang, Kuala Lumpur

Telefon: 03-2693 7111

Faks: 03-2691 3358

E-mel: info@motour.gov.my
www.motour.gov.my

Penganjur: Kementerian Pelancongan

Traditional Games Exhibition

Tarikh: Setiap Sabtu dan Ahad sepanjang Februari

Tempat: Kampung Kebudayaan Monsopiad

Penganjur: Monsopiad Cultural Village

Contact Person: Mr Awad Bajera

Telefon: 088 774337 / 761336

Faks: 088 761680

E-mel: info@monsopiad.com
www.monsopiad.com

Festival Layang-Layang Pasir Gudang

Saksikan pelbagai jenis layang-layang di festival ini. Kehadiran peserta antarabangsa ke bandar Pasir Gudang, Johor turut memeriahkan lagi acara ini.

Tarikh: 15 hingga 20 Februari

Tempat: Pasir Gudang, Johor

Telefon: 07-2513720/21/22

Faks: 07-2515260

E-mel: ismail@kitefestpasirgudang.com

www.kitefestpasirgudang.com
Penganjur: Johor Corporation

Hari Kraf Kebangsaan

Pelbagai aktiviti diadakan di Kompleks Kraf Kuala Lumpur sempena Festival Kraf ini. Antara aktiviti diadakan termasuk jualan kraf, pame-

ran, produk rekaan baru kraf, produk cenderamata korporat, alat muzik tradisional, teknologi kraf, perjumpaan pembeli, bengkel rekaan, aktiviti pusat rekaan. Selain itu, terdapat demonstrasi pembuatan kraf antarabangsa, pembuatan alat muzik, masakan kuih tradisional, interaktif kraf, lawatan berpandu berkumpul serta persembahan kesenian

Tarikh: 23 Februari hingga 7 Mac

Tempat: Kompleks Kraf Kuala Lumpur, Jalan Conlay, Kuala Lumpur

Masa: 10 pagi - 8.00 malam (Ahad-Khamis) 10 pagi - 10 malam (Jumaat-Sabtu)

Telefon: 03 2162 7459 / 603 2161 2622

E-mel: webmaster@

kraftangan.gov.my
www.kraftangan.gov.my

Penganjur: Perbadanan Pembangunan Kraftangan Malaysia

MERIAH... pelbagai jenis layang-layang berterbangan di Pasir Gudang sempena Festival Layang-Layang.



Apa yang menarik, pengunjung juga berpeluang melihat replika penemuan rangka manusia terawal semenanjung dan paling lengkap di Asia Tenggara iaitu Perak Man, berusia antara 10,000 hingga 11,000 tahun dan mengalami kecacatan genetik pertama di dunia di dalam replika Gua Gunung Runtuhan. Bagaimanapun, rangka Perak

Man yang dipamerkan di situ bukanlah yang sebenar kerana rangka asalnya kini dipamerkan di Muzium Negara.

Muzium juga mempamerkan secara terbuka semua jenis batuan yang terdapat di Hulu Perak dari yang berusia 300,000 tahun di taman Geologi Hulu Perak.

Selain ruang pameran, pe-

ngunjung juga boleh melihat pemandangan lembah Lenggong serta sungai Perak dari Menara Pandang setinggi empat tingkat.

Muzium Arkeologi Lenggong dibuka kepada pengunjung setiap hari dari jam 9 pagi hingga 5 petang dan ditutup pada Aidilfitri dan Aidiladha. Bayaran adalah percuma.



GAMBARAN...replika manusia zaman Paleolitik.



PELBAGAI...beraneka barangan kraf dipamerkan sempena Hari Kraf Kebangsaan.